Paranchothi a/l K Ramalingam dan satu lagi lwn Sentul Raya Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S 2–22–1312 TAHUN 2002
WAN ADNAN MUHAMAD H
12 JULY 2007

Acara Sivil — Penghakiman dan perintah — Pindaan — Alasan penghakiman menjelaskan terdapat kesilapan membenarkan permohonan plaintif di bawah kandungan 6 untuk suatu perintah relief awalan dan sebenarnya kandungan 7 untuk injunksi sementara dibenarkan — Rayuan telahpun dibuat ke Mahkamah Rayuan oleh defendan — Sama ada A 20 k 11 KMT boleh diguna pakai dalam kes ini — Sama ada mahkamah telahpun 'functus officio'

Plaintif pertama dan plaintif kedua ialah suami isteri telah memasuki satu perjanjian jual beli dengan defendan bertarikh 9 Julai 1996. Defendan hanya menyiapkan kondominium tersebut selepas tempoh 36 bulan dan meminta plaintif-plaintif membayar baki harga belian iaitu RM75,010.95. Plaintif-plaintif enggan membayar RM75,010.95 kerana mengikut peruntukan perjanjian jual beli defendan disyaratkan membayar ganti rugi lewat siapkan kondominium sebanyak RM84,059.23. Plaintif-plaintif telah memfailkan melalui suatu saman dalam kamar ('SDK') (lampiran 6) memohon suatu perintah relief awalan (summary relief) di bawah peruntukan A 81 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Plaintif-plaintif juga melalui suatu saman dalam kamar di lampiran 7 memohon injunksi sementara untuk menahan defendan daripada berurusniaga parcel dalam kondominium berkenaan. Mahkamah telah pada 15 September 2003 membenarkan permohonan mereka di lampiran 6. Mengikut rekod prosiding tiada keputusan dibuat mengenai lampiran 7. Defendan tidak berpuashati dengan keputusan lampiran 6 dan memfailkan suatu rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap relief awalan yang diberi terhadap mereka. Permohonan defendan untuk suatu perintah penggantungan relief awalan juga ditolak oleh mahkamah kemudiannya. Perintah relief awalan telah disempurnakan oleh pihak-pihak (perfected). Selepas itu alasan penghakiman telah diterima oleh pihak defendan mengenai keputusan di lampiran 6. Dalam alasan penghakimannya hakim bicara telah berkata antara lain bahawa terdapat kesilapan membenarkan permohonan plaintif di bawah kandungan 6 oleh kerana defendan berjaya menunjukkan adanya isu yang perlu dibicarakan dan sebenarnya kandungan 7 dibenarkan. Defendan menggunakan alasan penghakiman hakim berkenaan untuk mendapat suatu perintah mahkamah untuk meminda perintah yang dibuat bersabit lampiran 6 melalui SDK di lampiran 39. Pihak defendan memohon di bawah A 20 k 11 KMT, pindaan kepada perintah hakim tersebut dan suatu perintah sampingan iaitu penghakiman bertarikh 15 September 2003 diketepikan dan minta tuntutan plaintif yang dirayu defendan di Mahkamah Rayuan dikembalikan semula ke mahkamah bicara untuk di perbicaraan penuh supaya defendan dapat membuktikan kes mereka.

Peguam plaintif menegaskan bahawa A 20 k 11 KMT tidak boleh diguna pakai dalam kes ini.

Diputuskan:

(1) Fakta kes dalam kes-kes yang ditonjolkan oleh pihak defendan amat berbeza dengan fakta kes ini. Dalam kes-kes tersebut tidak terdapat rayuan kepada penghakiman yang diberi. Ia bersabit pembetulan peruntukan dan bukan memutuskan untuk membuat sesuatu perintah yang mengakibatkan penafian hak kemenangan sesuatu pihak yang masih tergantung (pending) di Mahkamah Rayuan (lihat perenggan 16).

(2) Lagipun dalam kes ini pihak defendan masih boleh berhujah untuk menunjukkan terdapat isu-isu yang perlu dibicarakan di Mahkamah Rayuan. Hujahan pihak defendan mungkin mempunyai asas yang kukuh berdasarkan rasional alasan penghakiman. Forum yang sesuai ialah Mahkamah Rayuan. Plaintif telah mendapat penghakiman muktamad di dalam prosiding A 14 KMT. Perintah yang diperoleh secara 'regular' dan juga tidak dipertikaikan bahawa ia diperoleh secara sah (lihat perenggan 17).

(3) Permohonan defendan jika dibenarkan akan memprejudiskan plaintif-plaintif yang berhak kepada penghakiman yang diperoleh. Kemenangan tersebut tidak boleh dipatahkan melalui pintu belakang yakni diperoleh melalui pindaan di bawah A 20 k 11 KMT. Mahkamah juga berpendapat adalah tidak adil untuk membuat pindaan justeru itu secara tidak langsung memberi kemenangan kepada defendan atas rayuan mereka tanpa dibicarakan di Mahkamah Rayuan. Berdasarkan fakta dan kronologi kes ini jelas mahkamah ini sudah 'functus officio'. Hanya suatu prosiding rayuan di Mahkamah Rayuan boleh menentukan hak pihak-pihak. Dengan penolakan L39 ia tidak mendatangkan prejudis atau ketidakadilan kepada defendan kerana peluang mereka untuk membela masih ada di prosiding rayuan di Mahkamah Rayuan. Tetapi di sebaliknya jika L39 dibenarkan ia menafikan hak plaintif untuk mengesahkan kemenangannya mendapat penghakiman muktamad di bawah A14 KMT (lihat perenggan 18).

(4) Setelah meneliti rekod prosiding mengenai lampiran 6 mahkamah berpendapat bahawa keputusan hakim bicara tidak kabur (ambiguous). Beliau membenarkan lampiran 6 tersebut apabila mendapati pihak plaintif telah membuktikan ketiadaan isu-isu yang perlu dibicarakan. Ketiadaan keputusan mengenai lampiran 7 seperti tercatit dalam nota prosiding menguatkan lagi bahawa hakim bicara tidak ada keraguan ketika membenarkan permohonan plaintif-plaintif di lampiran 6 (lihat perenggan 19).

[English summary

The first and second plaintiff were husband and wife who had entered into a sale and purchase agreement with the defendant dated 9 July 1996. The defendant completed the condominium after the 36 months period and requested that the defendants paid

the balance purchase price or RM75,010.95. The plaintiffs refused to pay the RM75,010.95 as according to the provision of the sale and purchase agreement the defendant ought to pay damages for late delivery of the condominium in the sum of RM84,059.23. The plaintiffs filed a summons in chambers ('SIC') (encl 6) praying for a summary relief under O 81 r 1 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC'). The plaintiffs also by way of a summons in chambers in encl 7 prayed for an injunction to restrain the defendant from dealing with the said condominium parcel. The court allowed the encl 6 application on 15 September 2003. According to the record, there was no decision made with regards to encl 7. Dissatisfied with the decision with regard to encl 6, the defendant filed an appeal to the Court of Appeal against the summary relief obtained against them. The defendant's application for a stay of the summary relief was also dismissed by the court. The order for the summary relief was perfected by the parties. Later the grounds of judgment was received by the defendant on the decision in encl 6. In the grounds of judgment the trial judge had said inter alia that there was a mistake in allowing the plaintiff's application under encl 6 as the defendant had successfully shown that there was an issue to be tried and in fact encl 7 be allowed. Based on the grounds of judgment the defendant applied for an order to amend the order made in relation to encl 6 by way of a summons in chambers in encl 39. The defendant applied under O 20 r 11 of the RHC for an amendment to the order of the said judge and an ancillary order that the judgment dated 15 September 2003 be set aside and prayed for the appeal on the plaintiffs' claim to the Court of Appeal be returned for a full trial at the trial court to enable the defendant to prove their case. The plaintiffs' counsel contended that O 20 r 11 of the RHC could not be applied to this case.

Held:

(1) The fact on those cases submitted by the defendant was very different from the fact of this case. In those cases there was no appeal against the judgment obtained. They were in relation to the provision for correction and not to decide on an order which could lead to a denial of the right of a successful party which was still pending in the Court of Appeal (see para 16).

(2) Moreover in this case the defendant could still submit in the Court of Appeal to show that there were triable issues to be tried. The submission by the defendant might have valid grounds based on the rationale in the grounds of judgment. The correct forum was the Court of Appeal. The plaintiffs had already obtained a summary judgment in their proceeding under O 14 of the RHC. The order obtained was regular and could not be disputed that it was validly obtained (see para 17).

(3) The application by the defendant if allowed might prejudice the plaintiffs who were entitled to the judgment obtained. The said success could not be defeated through the back door by way of obtaining an amendment under O 20 r 11 of the RHC. The court was of the opinion that it would not be fair to allow the amendment which indirectly made the defendant successful on their appeal without a trial in the Court of Appeal. Based on the fact and chronology of the case, it was clear that the court was now 'functus officio'. Only the Court of Appeal proceedings could determine the rights of the parties. By dismissing

E39 the defendant would not be prejudiced or denied justice as their opportunity to defend still exist in their appeal proceedings to the Court of Appeal. However, on the other hand if E39 was allowed it would deprive the successful plaintiffs' of its summary judgment under O 14 of the RHC (see para 18).

(4) Having perused the records of the proceedings on encl 6 the court was of the opinion that the decision of the trial judge was not ambiguous. He allowed encl 6 when he found that the plaintiffs had proved that there were no issues to be tried. The absence of a decision on encl 7 as was noted in the notes of proceedings further strengthened the fact that the trial judge was not in doubt when allowing the plaintiffs' application in encl 6 (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pindaan penghakiman dan perintah, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 4020–4026.

Kes-kes yang dirujuk

Arab Malaysia Finance Bhd v Malacca Development Corp Sdn Bhd & Ors [1997] 5 MLJ 685 (dirujuk)

Badiadin bin Mohd Mahidin & Anor v Arab Malaysian Finance Bhd [1998] 1 MLJ 393 (dibeza)

Bayerishe Landesbank Girozentrade v Dato Azlan bin Hashim [2002] 4 SLR 838 (dirujuk)

Hock Hua Bank Bhd v Sahari bin Murid [1981] 1 MLJ 143 (dirujuk)

R v Cripps; ex parte Muldoon and others [1984] 2 All ER 705 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14, A 20 k 11, A 81 k 1

(Kanesalingam & Co) bagi pihak plaintif.

(Logan Sabapathy & Co) bagi pihak defendan.

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Plaintif pertama dan plaintif kedua ialah suami isteri. Defendan ialah pemaju hartanah berlesen. Melalui suatu perjanjian jual beli bertarikh 9 Julai 1996 kedua-dua plaintif telah bersetuju membeli daripada defendan yang membina dan mejual satu unit pangsapuri yang dikenali sebagai parcel No CIB/07–5 yang merangkumi 102.77 meter persegi dan satu parcel aksesori No CIB/07/5 di Bangunan B dalam kondominium Sang Suria di atas Lot-Lot 562 dan 640 Seksyen 83 yang terletak di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur (Perjanjian jual beli ialah seperti eksh PR-1 lampiran 4).

[2] Plaintif-Plaintif telah membayar sebahagian bayaran progres iaitu 65% atau RM139,306.05. Masalah timbul apabila defendan memberhentikan pembinaan

pangsapuri tersebut dan gagal menyiapkan kondominium tersebut pada atau sebelum 9 Julai 1999 iaitu dalam masa tempoh 36 bulan seperti diperuntukkan dalam perjanjian.

[3] Defendan telah menyiapkan kondominium tersebut selepas tempoh dan meminta plaintif-plaintif membayar baki harga belian iaitu RM75,010.95 pada 14 Oktober 2002 bagi membolehkan plaintif-plaintif mendapat milikan kosong. Plaintif-plaintif enggan membayar RM75,010.95 kerana mengikut peruntukan perjanjian jual beli defendan disyaratkan membayar ganti rugi lewat siapkan kondominium sebanyak RM84,059.23 iaitu dikira tempoh kelewatan daripada 9 Julai 1999 hingga 14 Oktober 2002.

[4] Plaintif-plaintif telah memfailkan melalui suatu saman dalam kamar ('SDK') (lampiran 6) memohon suatu perintah relif awalan (summary relief) di bawah peruntukan A 81 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Plaintif-plaintif juga melalui suatu saman dalam kamar di lampiran 7 memohon injunksi sementara untuk menahan defendan daripada berurusniaga parcel dalam kondominium berkenaan.

[5] Pada 15 September 2003 setelah permohonan plaintif-plaintif dibicara mahkamah telah membenarkan permohonan mereka di lampiran 6. Mengikut rekod prosiding tiada keputusan dibuat mengenai lampiran 7. Defendan tidak berpuashati dengan keputusan lampiran 6 dan memfailkan suatu rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap relief awalan yang diberi terhadap mereka. Permohonan defendan untuk suatu perintah penggantungan relief awalan juga ditolak oleh mahkamah kemudiannya.

[6] Perintah relief awalan telah disempurnakan oleh pihak-pihak (perfected). Selepas itu alasan penghakiman telah diterima oleh pihak defendan mengenai keputusan di lampiran 6. Dalam alasan penghakimannya hakim bicara telah berkata antara lain seperti berikut:

> Akan tetapi didalam tindakan ini saya telah membuat keputusan untuk membenarkan permohonan plaintif di bawah Kandungan 6. Ini adalah satu kesilapan yang saya telah lakukan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah saya telah tersilap mempertimbangkan suatu permohonan defendan di bawah Kandungan 7 untuk satu injunksi interim menghalang defendan daripada berurusan dengan pangsapuri yang telah dijual kepada plaintif. Keputusan saya mengenai Kandungan 7 ini ialah untuk membenarkan dan bukan mengenai permohonan plaintif di bawah Kandungan 6. Inilah yang menyebabkan kekeliruan saya disebabkan adanya permohonan yang berganda itu.
>
> Mengenai permohonan plaintif di bawah Kandungan 6 ini saya sepatutnya membuat keputusan untuk menolak permohonan plaintif oleh kerana defendan berjaya menunjukkan adanya isu yang perlu dibicarakan.

[7] Bagaikan orang mengantuk disorongkan bantal defendan menggunakan alasan penghakiman hakim berkenaan untuk mendapat suatu perintah mahkamah untuk meminda perintah yang dibuat bersabit lampiran 6 melalui SDK di Lampiran 39. Pihak defendan memohon pindaan kepada perintah hakim tersebut dan jika

dibenarkan suatu perintah sampingan iaitu penghakiman bertarikh 15 September 2003 diketepikan dan minta tuntutan plaintif yang dirayu defendan di Mahkamah Rayuan dikembalikan semula ke mahkamah bicara untuk dibicara penuh supaya defendan dapat membuktikan kes mereka. Sayugia diingatkan permohonan defendan dilandaskan di bawah peruntukan A 20 k 11 KMT.

[8] Untuk mendapat gambaran jelas elok jika diperturunkan peruntukan A 20 k 11 KMT tersebut seperti berikut (dalam bahasa Inggeris):

> Clerical mistakes in judgments or orders, or errors arising therein from any accidental slip or omission, may at any time be corrected by the Court by summons without an appeal

[9] Daripada peruntukan Aturan tersebut jelas bahawa mahkamah mempunyai budibicara untuk membetul apa-apa kesilapan yang dibuat atas 'clerical mistakes' yang tidak disengajakan. Pada lazimnya pindaan kesilapan ejaan dan lain-lain yang remeh yang tidak memperjudiskan pihak lain dibenarkan mahkamah.

[10] Dalam hujah bertulisnya peguam defendan bergantung kepada keputusan kes *Hock Hua Bank Bhd. v Sahari bin Murid* [1981] 1 MLJ 143 bagi menggesa mahkamah membenarkan L39. Beliau memetik kata-kata Chang Min Tat HMP di halaman 144 yang berbunyi (dalam bahasa asal):

> The Court has no power under any application in the same action to alter, vary or set aside a judgment regularly obtained after it has been entered or an order after it is drawn up, except under the slip rule in O 28 r 11 Rules of the Supreme Court 1957 (Order 20 rule 11 Rules of the High Court 1980) so far as is necessary to correct errors in expressing the intention of the court: *Re St. Nazaire Co.' Kelsey v Douner; Hession v Jones*,. unless it is a judgment by default or made in the absence of a party at the trial or hearing

Seterusnya peguam defendan memperkukuhkan saranannya dengan memetik penghakiman Mahkamah Tinggi dalam kes *Arab Malaysia Finance Bhd v Malacca Development Corp. Sdn. Bhd & Ors* [1997] 5MLJ 685 di halaman 700 Augustine Paul PK (ketika itu) berkata sebegini (dalam bahasa asal):

> Before I proceed any further, I shall first determine the extent to which a court can amend an order that it has made in the context of the application before me. It is settled law that after a judgment or order has been perfected, amendments may only be made to it in relation to clerical errors, accidental slips and omissions as provided by O 20 r 11 of the RHC (see *Khoo Cheng Tat v Lim Sook Teik & Anor (BM Kamdar, intervening)* [1982] 1 MLJ 289; *Tak Ming Co Ltd v Yee Sang Metal Supplies Co* [1973] 1 WLR 300; *Hock Huar Bank Bhd v Sahari bin Murid* [1981] 1 MLJ 143). However, the court has an inherent power to correct errors to give a clear expression to its intentions in the judgment or order which has been perfected (see *Pearlman (Veneers) SA (Pty) Ltd v Bernhard Bartels* [1954] 1 WLR 1457). Such a power exists to enable to the court to correct the record to make it consistent with the judgment or order which it obviously meant to pronounce (see hotel Ambassador (M) Sdn. *Bhd v Seapower (M) Sdn Bhd* [1991] 1 MLJ 221; *Hatten v Harris* [1892] AC 560; *Koperasi Perumahan Kotawira Bhd v Kadir bin Kassim & Ors* [1991] 2 CLJ 1529). A judge may set aside an order founded wholly upon his own errors as to a fact, and not upon any mistake in his deliberation, even though the order be passed and entered (see *Hall v Harris* (1900) 25 VLR 455).

[11] Peguam defendan juga memohon jasa baik mahkamah menggunakan kuasa yang sedia ada mahkamah (inherent power) untuk memberi keadilan dalam keadaan tertentu dan mengutarakan kata-kata Mahkamah Persekutuan dalam kes *Badiadin bin Mohd Mahidin & Anor v Arab Malaysian Finance Bhd* [1998] 1 MLJ 393. Di halaman 409 Mahkamah Tertinggi tersebut memutuskan seperti berikut (dalam bahasa asal):

> The discretion to invoke the inherent jurisdiction should also be exercised judicially in exceptional cases where the defect is of such a serious nature that there is a real need to set aside the defective order to enable the court to do justice. In all cases, the normal appeal procedure should be adopted to set aside a defective order, unless the aggrieved party could bring himself within the special exception.

[12] Dalam hujahnya peguam defendan selanjutnya menggesa mahkamah supaya permohonan di L39 dibenarkan kerana mengikut beliau alasan penghakiman menjadikan rayuan pihak defendan di Mahkamah Rayuan menjadi tak bererti lagi (redundant) kerana hakim bicara tidak berhasrat untuk memberi penghakiman kepada plaintif. Oleh itu pihak defendan tidak harus bersusah payah meneruskan prosiding rayuan mereka kerana imbangan keadilan memihak kepada defendan dan jika dinafikan defendan mendapat perintah seperti dipohon di L39 ia berlaku tidak adil kepada defendan.

[13] Dalam hujah balas bertulisnya peguam plaintif menegaskan bahawa A 20 k 11 KMT tidak boleh diguna pakai dalam kes ini. Beliau memetik ulasan dalam *The Malaysian High Court Practice 2006 Desk Edition* berbunyi (dalam bahasa asal):

> The error, must be an error in expressing what the court intended at the time when the order was made. If the order, as drawn up, correctly expresses that intention, it be corrected under this rule, even if it contains a mistake in law, apparent on the face of it: *Karupaya v Ramasamy Chetty & Anor 15 SSLR 6*."

[14] Peguam plaintif juga mengutarakan kes Mahkamah Tinggi Singapura yang memutuskan (dalam bahasa Inggeris) 'it was established to (the court) satisfaction that the slip or omission was accidental. Proceeded of course that such an amendment was not to the disadvantage of the other party' (sila lihat *Bayerishe Landesbank Girozentrade v Dato Azlan bin Hashim* [2002] 4 SLR 838.)

[15] Saya amat tertarik dengan petikan nas Inggeris dalam hujah peguam pihak plaintif iaitu keputusan Court of Appeal dalam kes *R v Cripps, ex parte Muldoon and others* [1984] 2 All ER 705 di mana di halaman 711–712 Sir John Donaldson MR berkata (dalam bahasa asal) yang berbunyi seperti berikut:

> For out part we would accept that if a court has reached a decision which is ambiguously expressed either in the reasoned judgment or in the formal order giving effect to the decision. *The ambiguity of expression can be removed in the exercise to slip rule powers. But the exercise must be limited to correcting ambiguity in expression of an unambiguous decision*. An ambiguous decision is no decision at all and any attempt to turn it into an unambiguous decision is at least a variation and probably a new decision. It would not, therefore, be necessarily fatal to Mr Barnes' submission on behalf of Mr Slade that he was seeking a

clarification of the commissioner's order, provided always that the commissioner's decision had been unambiguous and the ambiguity lay in the order giving effect to that decision.

Appreciating, as we do, the sense of injustice experienced by Mr Slade in the light of the course which these proceedings have taken, we have considered whether it would be just and proper to extend the ambit of the slip rule.

But so apply the slip rule in the present case would involve correcting an order, not on the basis that in the light of contemporary events or evidence it could be shown to have failed to express the judge's decision, but on the basis that eight months later the judge though that he intended, or must have intended, something which he certainly did not express formally or informally at the time of decision. To admit of such an extension would be to invite judges to succumb to very human failing of regretting a decision and then convincing themselves that they cannot ever have intended it. Judges are both human and fallible, but such an extension of the slip rule is not the solution to the problems created thereby. The solution is a right of appeal, which does not exist in the circumstances of this case because there is no direct right of appeal on an order as to costs made by a local election court and, even if there were a remedy by way of judicial review, the order actually made did not involve any excess of jurisdiction, however broadly that concept may be applied. (Penekanan ditambah.)

[16] Fakta kes dalam kes-kes yang ditonjolkan oleh pihak defendan amat berbeza dengan fakta kes ini. Dalam kes-kes tersebut tidak terdapat rayuan kepada penghakiman yang diberi. Ia bersabit pembetulan peruntukan dan bukan memutuskan untuk membuat sesuatu perintah yang mengakibatkan penafian hak kemenangan sesuatu pihak yang masih tergantung (pending) di Mahkamah Rayuan.

[17] Lagipun dalam kes ini pihak defendan masih boleh berhujah untuk menunjukkan terdapat isu-isu yang perlu dibicarakan di Mahkamah Rayuan. Hujahan pihak defendan mungkin mempunyai asas yang kukuh berdasarkan rasional alasan penghakiman. Forum yang sesuai ialah Mahkamah Rayuan. Saya ingin menarik perhatian bahawa plaintif telah mendapat penghakiman muktamad di dalam prosiding A 14 KMT. Perintah yang diperolehi secara 'regular' dan juga tidak dipertikaikan bahawa ia diperolehi secara sah. Prinsip dalam kes *Badiadin bin Mohd Mahidin Anor v Arab Malaysia Finance Bhd tidak terpakai kepada fakta kes ini lagipun penghakiman tersebut bukan dibuat secara ingkar kehadiran mahupun secara ex parte*.

[18] Pada pendapat saya permohonan defendan jika dibenarkan akan memperjudiskan plaintif-plaintif yang berhak kepada penghakiman yang diperolehi. Kemenangan tersebut tidak boleh dipatahkan melalui pintu belakang yakni diperolehi melalui pindaan di bawah A 20 k 11 KMT. Saya ibaratkan pihak defendan cuba menangguk di air keroh. Saya juga berpendapat adalah tidak adil bagi saya untuk membuat pindaan justeru itu secara tidak langsung memberi kemenangan kepada defendan atas rayuan mereka tanpa dibicara di Mahkamah Rayuan. Berdasarkan fakta dan kronologi kes ini jelas mahkamah ini sudah 'functus officio'. Hanya suatu prosiding rayuan di Mahkamah Rayuan boleh menentukan hak pihak-pihak. Dengan penolakan L39 ia tidak mendatangkan prejudis atau ketidakadilan kepada defendan kerana peluang mereka untuk membela masih ada di prosiding rayuan di Mahkamah Rayuan. Tetapi di sebaliknya jika L39 dibenarkan ia menafi hak plaintif untuk mengesahkan kemenangannya mendapat penghakiman muktamad di bawah A 14 KMT. Sayugia diingatkan terdapat keputusan-keputusan Mahkamah Rayuan yang bersetuju dengan keputusan hakim bicara walau tidak

sekata dengan alasan yang diberikan. Oleh itu saya fikir peluang bagi plaintif tidak harus dinafikan untuk menggesa Mahkamah Rayuan perakui ketidak wujudan persoalan-persoalan yang perlu dibicarakan. Hanya Mahkamah Rayuan dapat menentukan berdasarkan keterangan affidavit serta dibantu oleh hujah pihak-pihak dan bukan hanya atas pengakuan kesilapan oleh hakim bicara bila membuat keputusan.

[19] Setelah meneliti meneliti rekod prosiding mengenai lampiran 6 saya dapati keputusan hakim bicara tidak kabur (ambiguous). Keputusannya amat jelas (unambiguous). Beliau membenarkan lampiran 6 tersebut apabila mendapati pihak plaintif telah membuktikan ketiadaan isu-isu yang perlu dibicarakan. Ketiadaan keputusan mengenai lampiran 7 seperti tercatit dalam nota prosiding menguatkan lagi bahawa hakim bicara tidak ada keraguan ketika membenarkan permohonan plaintif-plaintif di lampiran 6.

[20] Pada hemat saya peruntukan A20K11 KMT boleh diguna pakai bila mana terdapat kekaburan dalam ekspresi mengenai keputusan yang amat jelas. Dalam kes bicara hakim berkenaan telah menukar fikiran semasa menyediakan alasan penghakiman. Sehubungan dengan itu ia sepadan dengan kata-kata Sir John Donaldon MR dalam kes *R v Cripps* halaman 712 a&b yang saya telah beri penekanan di atas (sila lihat ms 10–12 alasan saya).

[21] Seperkara lagi tindak tanduk defendan adalah suatu penyalahan guna proses mahkamah. Aturan 20 k 11 KMT bukan digubal untuk membawa ketidakadilan. Ia hanya suatu prosedur yang digubal bagi membetulkan sesuatu kesilapan yang tidak mendatangkan prejudis kepada pihak-pihak untuk mendapat ketidakadilan dan bukan digunakan untuk menafikan hak pihak lain mendapat keadilan. Pada hemat saya berdasarkan latar belakang kes ini imbangan keadilan memihak kepada plaintif. Defendan seharusnya meneruskan rayuan mereka di Mahkamah Rayuan mengenai lampiran 6. Permohonan defendan di L39 ditolak dengan kos.

Perintah sewajarnya.

Reported by Sally Kee